

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 22 FEBRUARI 2023
AKHBAR : HARIAN METRO
MUKA SURAT : 24

Bidang digital bakal terima pelaburan besar

Bidang digital bakal terima pelaburan besar

Putrajaya: Menteri Ekonomi Rafizi Ramli berkata, akan ada pengumuman mengenai pelaburan yang besar berkaitan bidang digital di Malaysia dalam masa terdekat.

"Bukan sahaja pengumuman itu adalah satu berita baik kepada ekonomi negara tetapi ia perlu disambut dan dijadikan sebagai satu pemangkin untuk kita mempercepatkan segala perancangan yang ada dalam rangka tindakan ekonomi digital negara," katanya pada perjumpaan bulanan bersama warga kementerian, di sini semalam.

Rafizi berkata, selain itu, kementerian akan mengajurkan *hackathon* kebangsaan pada bulan depan sebagai sebahagian daripada usaha kementerian itu untuk mengaruh perdana inovasi melibatkan sebanyak mungkin penyertaan.

"Ini berikutan sebelum ini, inovasi dilihat sebagai satu bahagian kecil, hanya untuk orang tertentu sahaja. Sedangkan untuk ekonomi kita berkembang maju, kita perlukan satu kumpulan yang boleh menyumbang dalam produk dan perkhidmatan yang berinovasi tinggi, barulah



RAFIZI

boleh disambut dengan baik oleh segala bantuan dan sistem yang telah kita ada dalam sektor awam dan swasta," katanya.

Bercakap kepada pem-

berita selepas itu, Rafizi berkata, kerajaan tidak akan campur tangan dalam siasatan berhubung isu perolehan kapal tempur pesisir (LCS) bagi kegunaan Tentera Laut Diraja Malaysia (TLDM) dan memberikan kebebasan sepenuhnya kepada pihak berkuasa berkaitan untuk melakukan siasatan.

"Pihak berkuasa yang bertanggungjawab ada kebebasan sepenuhnya untuk menyiasat. Biar Suruhanjaya Pencegahan Rasuh Malaysia, Jabatan Peguam Negara, pendakwa raya dan hakim siasat dengan tangannya yang bebas kerana ti-

dak ada campur tangan," katanya ketika ditanya sama ada siasatan masih perlu diteruskan.

Pada 4 Ogos lepas, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mendekah sudah selesai mengadakan sembilan prosiding berhubung isu LCS dengan memanggil beberapa saksi.

Hasil prosiding itu mendapat kontrak projek LCS diberikan kepada syarikat Boustead Naval Shipyard Sdn Bhd secara rundingan terus dengan kerajaan membayar RM6.083 bilion namun tiada satu pun kapal LCS disiapkan. - Bernama